

01 AUG 1998

DR MAHATHIR TERUS KE PEJABAT SELEPAS TIGA JAM BALIK DARI LUAR NEGARA

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kembali bekerja di pejabatnya hari ini tidak sampai tiga jam selepas penerbangan selama 10 jam daripada Johannesburg setelah melakukan lawatan selama seminggu ke negara-negara Afrika.

Antara tugasnya yang pertama ialah mempengerusikan mesyuarat mingguan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

"Perdana Menteri terus ke pejabatnya untuk memulakan kerjanya," kata seorang pembantu.

Dengan tidak langsung menunjukkan keletihan dari penerbangan yang lama itu, Dr Mahathir mengadakan satu sidang media yang singkat mengenai hasil lawatannya ke Afrika itu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur sejurus selepas tiba pada pukul 6.45 pagi, bersama dengan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Beliau juga diberi taklimat mengenai perkembangan terbaru mengenai isu berlanjutan antara Malaysia dan Singapura berhubung dengan pusat pemeriksaan imigresen di stesen keretapi Tanjung Pagar di selatan republik itu.

-- BERNAMA
ES WAT